

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN PANGSAPURI KOS RENDAH**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan perancangan Kerajaan Negeri terhadap pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang berhutang banyak dan tidak mampu lagi menanggung kos pembayaran perkara-perkara penting seperti penyelenggaraan lif, bil air dan sebagainya?
- b) Sila senaraikan jabatan-jabatan dan maklumat perhubungan mereka untuk permohonan program Smart Life, SEROJA dan ISS (Indah Smart Selangor).
- c) Selain daripada skim bantuan diatas, adakah terdapat program-program bantuan lain di bawah peringkat Kerajaan Tempatan bagi membantu pangsapuri kos rendah?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri mereka. Kerajaan Negeri telah melaksanakan tindakan berhubung penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi setiap pangsapuri kos rendah yang tidak mampu menguruskan bangunan akibat defisit kutipan caj pengurusan. Dalam hal ini, badan pengurusan Bersama (JMB) perlu memperkasakan peranan mereka melalui Akta Pengurusan Strata 2013 (757) untuk mengutip tunggakan caj penyenggaraan di kalangan pemilik-pemilik tegar. JMB yang ditubuhkan mempunyai kuasa untuk mengutip caj penyenggaraan daripada pemilik untuk tujuan pengurusan dan penyenggaraan di bawah Seksyen 21 (subseksyen 2), dan Seksyen 33, Akta Pengurusan Strata 2013 (757).

Pelan tindakan jangka panjang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti menyediakan program-program di bawah pemantauan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk membantu menyelesaikan masalah secara tuntas setiap pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor. Setiap program yang dirancang memberi penekanan kepada 3 aspek pengurusan seperti berikut:

- i- Pengurusan Fizikal.

Penekanan kepada aspek peningkatan kualiti, keindahan dan keceriaan bangunan melalui program baikpulih di bawah skim CERIA (*Caring Government for Improvement Aids*) dan Laman Hijau 2.0.

ii- Pengurusan Komuniti.

Aspek pemerkasaan komuniti agar mempunyai sikap bekerjasama, inovatif dan berpengetahuan dalam menguruskan pangsapuri. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah Program Squad Pemberdayaan Komuniti atau K-SQUAD, Homework Club dan K-Inovasi.

iii- Pengurusan Kepimpinan.

Penekanan kepada pemantapan kecekapan dalam mengurus badan pengurusan seperti menyediakan latihan pengurusan kewangan strata dan C-SMART (*Courses Strata Management And Residential Tentative*).

- b) Program Smartlife dan Indah Smart Selangor (ISS) adalah pecahan khas dari Skim CERIA (*Caring Government Residence Aids*). Walau bagaimanapun, program tersebut telah disatukan di dalam Skim CERIA dengan peruntukan tahunan kerajaan negeri secara geran kepada agensi pelaksana iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Manakala Skim SEROJA (Skim Keselamatan dan Kejiranan Pangsapuri) masih dilaksanakan dengan memperluaskan bantuan lain dengan memasukkan elemen-elemen kawalan dan keselamatan sesebuah pangsapuri. Skim-skim ini dikawal selia oleh Unit Pengurusan Bangunan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.
- c) Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai peruntukan-peruntukan agak terhad bagi menyediakan bantuan-bantuan lain kepada komuniti pangsapuri kos rendah. Kebanyakan program-program bantuan menerima peruntukan khusus sama ada melalui Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan seperti program pemberian pangsapuri di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : MAKLUMAT TAMAN REKREASI AWAM DUN BANDAR UTAMA**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua lokasi-lokasi taman rekreasi awam bawah DUN Bandar Utama bersertakan inventori penaiktarafan oleh PBT di taman-taman tersebut sejak tahun 2013 sehingga kini.

**JAWAPAN:**

- a) Seperti di lampiran A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PEMBINAAN PERUMAHAN BARU KAMPUNG ORANG ASLI**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek pembinaan perumahan baru di kampung-kampung Orang Asli di Negeri Selangor dan tahap kesediaan projek tersebut.
- b) Senaraikan peratus penghunian (occupancy rate) bagi projek yang telah siap.

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan bagi projek pembinaan perumahan baru di perkampungan Orang Asli di Negeri Selangor bagi tahun 2020 adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Namun, peruntukan tersebut tidak diturunkan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan disebabkan pada awal tahun 2020, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan masih lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu sebelum penyusunan semula kementerian yang berkuat kuasa 1 Mei 2020. Oleh itu, peruntukan daripada KPLB bagi projek tersebut telah diturunkan kepada pihak Pengurusan GIATMARA Negeri Selangor bagi melaksanakan sepenuhnya projek.

Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan hanya diberi tanggungjawab untuk menyediakan dan mengenal pasti senarai nama penerima atau Ketua Isi Rumah yang berkelayakan untuk menerima bantuan projek tersebut untuk dibuat tapisan ke peringkat kementerian. Kriteria penerima bantuan projek tersebut akan disaring oleh pihak kementerian iaitu akan diberi keutamaan kepada penghuni yang berstatus ibu tunggal, warga emas dan rumah bencana.

Hasil daripada saringan yang telah dibuat oleh pihak kementerian, JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan sebanyak empat (4) unit Bina Baru dan sepuluh (10) unit Baik Pulih. Senarai nama penerima bantuan mengikut pecahan kaum, DUN, parlimen dan daerah adalah seperti jadual terperinci di Lampiran A.

JAKOA Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan telah dimaklumkan oleh pihak pengurusan GIATMARA Negeri Selangor bahawa kesemua projek pembinaan perumahan baru di perkampungan Orang Asli di Negeri Selangor bagi tahun 2020 ini, masih belum bermula disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang

berkuat kuasa 18 Mac 2020. Namun, pemilihan kontraktor secara undian telah dilaksanakan pada 24 Jun 2020.

Berdasarkan jadual terperinci di lampiran, data menunjukkan empat belas (14) penerima bantuan untuk projek perumahan bina baru dan baik pulih di perkampungan Orang Asli. Pecahannya adalah seperti berikut:-

1. Empat (4) penerima bantuan untuk bina baru yang terdiri daripada satu (1) bagi DUN Semenyih, parlimen Hulu Langat, dua (2) bagi DUN Hulu Bernam, parlimen Hulu Selangor dan satu (1) bagi DUN Dengkil, parlimen Sepang.
  2. Sepuluh (10) penerima bantuan untuk baik pulih yang terdiri daripada tiga (3) bagi DUN Batang Kali, parlimen Hulu Selangor, satu (1) bagi DUN Hulu Bernam, parlimen Hulu Selangor, satu (1) bagi DUN Tanjung Sepat, parlimen Sepang, dua (2) DUN Batu Caves, parlimen Selayang, dua (2) bagi DUN Sijangkang, parlimen Kuala Langat dan satu (1) bagi DUN Seri Kembangan, parlimen Petaling.
- b) Status terkini projek pembinaan perumahan baru di perkampungan Orang Asli di Negeri Selangor bagi tahun 2020 yang diuruskan oleh pihak Pengurusan GIATMARA Negeri Selangor adalah pada tahap 0% seperti mana jawapan huraiyan yang telah dijelaskan bagi soalan a) di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KEGANASAN RUMAH TANGGA**

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan statistik kes keganasan rumah tangga mengikut DUN semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- Apakah tindakan Kerajaan Negeri bersama pihak berkuasa dan agensi yang relevan untuk membendung isu keganasan rumah tangga serta membantu mangsa?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik, bilangan kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah sebanyak 90 kes. Statistik kes mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH KES	BIL	DUN	JUMLAH KES
1.	N01: Sungai Air Tawar	-	29.	N29: Seri Serdang	-
2.	N02: Sabak	-	30.	N30: Kinrara	3
3.	N03: Sungai Panjang	-	31.	N31: Subang Jaya	-
4.	N04: Sekinchan	-	32.	N32: Seri Setia	1
5.	N05: Hulu Bernam	-	33.	N33: Taman Medan	-
6.	N06: Kuala Kubu Bharu	2	34.	N34: Bukit Gasing	7
7.	N07: Batang Kali	3	35.	N35: Kampung Tunku	-
8.	N08:Sungai Burong	-	36.	N36: Bandar Utama	-
9.	N09: Permatang	1	37.	N37: Bukit Lanjan	4
10.	N10: Bukit Melawati	-	38.	N38: Paya Jaras	1
11.	N11: Ijok	-	39.	N39: Kota Damansara	-
12.	N12: Jeram	3	40.	N40: Kota Anggerik	10
13.	N13: Kuang	-	41.	N41: Batu Tiga	-
14.	N14: Rawang	3	42.	N42: Meru	1
15.	N15: Taman Templer	3	43.	N43: Sementa	1

BIL	DUN	JUMLAH KES	BIL	DUN	JUMLAH KES
16.	N16: Sungai Tua	-	44.	N44: Selat Klang	2
17.	N17: Gombak Setia	4	45.	N45: Bandar Baru Klang	-
18.	N18: Hulu Kelang	2	46.	N46: Pelabuhan Klang	1
19.	N19: Bukit Antarabangsa	-	47.	N47: Pandamaran	-
20.	N20: Lembah Jaya	3	48.	N48: Sentosa	3
21.	N21: Pandan	-	49.	N49: Sungai Kandas	3
22.	N22: Teratai	-	50.	N50: Kota Kemuning	1
23.	N23: Dusun Tua	3	51.	N51: Sijangkang	1
24.	N24: Semenyih	2	52.	N52: Banting	2
25.	N25: Kajang	4	53.	N53: Morib	1
26.	N26: Sungai Ramal	4	54.	N54: Tanjung Sepat	1
27.	N27: Balakong	4	55.	N55: Dengkil	4
28.	N28: Seri Kembangan	-	56.	N56: Sungai Pelek	2
				JUMLAH	90

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor Tahun 2020

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sentiasa prihatin terhadap kebajikan mangsa keganasan rumah tangga. Di antara tindakan-tindakan yang diambil bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
1. membantu mangsa keganasan rumah tangga bagi memfailkan permohonan Perintah Perlindungan Interim di mahkamah;
  2. mengadakan dan mengatur pengangkutan bagi mangsa ke kediaman alternatif/ tempat selamat/ tempat berlindung sekiranya mangsa memerlukan;
  3. mengadakan dan menguruskan pengangkutan bagi mangsa ke hospital/ tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan sekiranya diperlukan;
  4. memberi penerangan dan advokasi kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga;
  5. menemani mangsa ke kediamannya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya;

6. memberi sokongan bantuan kewangan menerusi Tabung Bantuan Segera (TBS) atau mana-mana skim bantuan kewangan bulanan kendalian JKM sekiranya mangsa layak dan memerlukan; dan
7. menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan kepada mangsa yang memerlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : KES PAIP PECAH DI PETALING JAYA**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan kawasan-kawasan di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang mempunyai kes paip pecah yang tertinggi.
- Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini?

**JAWAPAN:**

- Kawasan yang telah dikenalpasti dengan rekod paip pecah yang tinggi dan telah disenaraikan dalam keutamaan kawasan untuk program penggantian paip adalah seperti berikut :

No	Nama Kawasan	Jumlah Kes Paip Pecah	Pakej - Tahun (Status)
1	Seksyen 17 Petaling	52 (2014 – 2015)	P2A - 2016 (Selesai)
2	Kg Sungai Kayu Ara	35 (2014 – 2015)	P2A - 2016 (Selesai)
3	Seksyen 5, Bukit Gasing	58 (2014 – 2015)	P4A - 2016 (Selesai)
4	Kg Desa Aman	18 (2014 – 2015)	P8 - 2017 (Selesai)
5	Seksyen 5 Kota Damansara	14 (2014 – 2015)	P14 - 2018 (Selesai)
6	Jalan 18/14 (Taman Kanagapuram)	6 (2016 – 2018)	P21 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
7	Jalan 14/29 (Seksyen 14)	13 (2016 – 2018)	P21 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
8	Jalan Utara	15 (2016 – 2018)	P21 – 2019 ((Kontraktor telah dilantik))
9	Jalan SS 4C/7 (SS 4C)	4 (2016 – 2018)	P21 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
10	Jalan 14/29 (Seksyen 14)	13 (2016 – 2018)	P33 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
11	Jalan SS 1/32 (SS 1 Kg Tunku)	5 (2016 – 2018)	P33 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)

No	Nama Kawasan	Jumlah Kes Paip Pecah	Pakej - Tahun (Status)
12	Jalan SS 1/38 (SS 1 Kg Tunku)	6 (2016 – 2018)	P33 – 2019 ((Kontraktor telah dilantik)
13	Jalan SS 6/1 (SS 6)	5 (2016 – 2018)	P33 – 2019 (Kontraktor telah dilantik)
14	Jalan SS 2/62 (SS 2)	4 (2017 – 2019)	P38 – 2020 (Perancangan dan Rekabentuk)
15	Jalan 12/16A (Seksyen 12)	4 (2017 – 2019)	P38 – 2020 (Perancangan dan Rekabentuk)
16	Jalan Tuanku Salahuddin Syah 16/9 (Seksyen 16)	6 (2017 – 2019)	P38 – 2020 (Perancangan dan Rekabentuk)
17	Jalan 17/1 (Seksyen 17)	10 (2017 – 2019)	P38 – 2020 (Perancangan dan Rekabentuk)
18	Jalan PJS 3 (PJS 3)	5 (2017 – 2019)	P39 – 2020 (Perancangan dan Rekabentuk)

b) Bagi menangani isu paip pecah, Air Selangor telah mengambil tindakan berikut:

- Membuat pembentukan *District Metering Zone* (DMZ) untuk memantau dan mengawal tekanan air di dalam paip secara berterusan bagi mengurangkan berlakunya kejadian paip pecah.
- Untuk kejadian paip pecah yang masih berlaku walaupun dengan pelaksanaan kawalan tekanan (kawasan di dalam DMZ), jajaran paip tersebut akan disusun di dalam senarai keutamaan di bawah Program Penggantian Paip.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : HAKMILIK STRATA UNTUK HOTEL**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon setiap Pejabat Tanah nyatakan status pelaksanaan Usul No. 6 Tahun 2020 yang dibawa oleh YB Bandar Utama dalam sidang Dewan Negeri Selangor Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB Subang Jaya dan Ahli-ahli Yang Berhormat semua kelulusan pecah bahagi bangunan dan pengeluaran hakmilik strata adalah berdasarkan kepada kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, kawalan untuk tidak membenarkan penjualan unit/ petak di dalam pembangunan hotel boleh diselaraskan di peringkat perancang Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Selain daripada itu syarat-syarat lain seperti yang terkandung di dalam Bahagian II (seksyen 6 hingga 14) Akta Hakmilik Strata juga terpakai bagi Pengarah Tanah dan Galian meluluskan pecah bahagi bangunan dan pengeluaran Hakmilik Strata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PROGRAM SITHAM**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan jumlah peruntukan Program SITHAM.
  - Berapa daripada jumlah tersebut telah disalurkan kepada pemohon?
  - Jika terdapatnya baki, sila nyatakan cara bagaimana baki tersebut akan disalurkan?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Program Pembangunan Usahawan India Di Negeri Selangor telah mula diperkenalkan sejak tahun 2017 untuk mengembangkan kebolehan dan kepakaran kaum India di dalam bidang keusahawanan menerusi *Indian Entrepreneurship and Capacity Building Program : Towards Economic Resilience, Empowerment and Upward Mobility*.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 22 / 2020 pada 17 Jun 2020 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 23 / 2020 pada 24 Jun 2020 telah menimbang dan meluluskan penganjuran Program Pembangunan Usahawan India Di Negeri Selangor 2020 dengan kos sebanyak RM700,000.00.

Yayasan HIJRAH Selangor dilantik sebagai agensi pelaksana dan penyelaras bagi program Program Pembangunan Usahawan India Di Negeri Selangor 2020. Satu Unit Pembangunan Usahawan India akan diwujudkan bagi menyelaras segala pelaksanaan program. Pecahan peruntukan pada tahun ini adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kos (RM)</b>
1.	Latihan Pembangunan (Pengurusan)	100,000.00
2.	Latihan Kemahiran (Skill/Pembuatan)	100,000.00
3.	<i>Getting Rich Own Way (GROW)</i>	150,000.00

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kos (RM)</b>
4.	Dana Usahawan India Selangor (DUIS)	219,000.00
5.	*Kos Pengurusan	131,000.00
<b>JUMLAH KOS</b>		<b>700,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PERMOHONAN PEMBATALAN PERWARTAAN SEBAHAGIAN TANAH  
RIZAB DAN PENGGANTIAN KAWASAN LAPANG**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. 2173) bertarikh 2 Julai 2009 yang melibatkan kawasan lapang di Lot 38163, Derah Petaling di Jalan PJS 7/13 dan penggantian yang sama di sebahagian tanah kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681 (PN 17395) Mukim Damansara, Daerah Petaling?

**JAWAPAN:**

- a) Urusan pembatalan Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2173 bertarikh 2 Julai 2009 di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi kawasan lapang Lot 38163, di Jalan PJS 7/13 telah selesai dilakukan. Pembatalan warta ini disiarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 3202 bertarikh 29 Ogos 2019. Urusan perizaban di bawah Seksyen 62 KTN bagi penggantian tapak ini akan dilaksanakan oleh PDT Petaling setelah pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengemukakan pelan pra-hitungan tapak ganti kawasan lapang tersebut di sebahagian tanah Kerajaan di PJS 9 bersebelahan Lot 64681, Mukim Damansara, Daerah Petaling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN STRATA**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status permohonan strata untuk penduduk Pangsapuri PJS 7/15 atas PN8623 Lot 49365 Mukim Petaling yang telah disatukan dengan PM130 Lot 37563 Mukim Damansara.

**JAWAPAN:**

- a) Dimaklumkan permohonan untuk memecah bagi bangunan di bawah Seksyen 6 Akta Hakmilik Strata (AHS) 1965 kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) bagi tujuan pengeluaran Hakmilik Strata kepada setiap pembeli akan dilaksanakan oleh pemilik tanah iaitu Tetuan Sunway Development Sdn. Bhd. setelah hakmilik sambungan baru dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, urusan pendaftaran hakmilik sambungan bagi kelulusan penyatuan tanah PN 8623 Lot 49360 Mukim Petaling dengan PM 130 Lot 37563 Mukim Damansara telah tertangguh kerana wujudnya Kaveat di atas hakmilik PM 130 Lot 37563. Pentadbir Tanah Petaling telah berurusan dengan Tetuan Sunway Development Sdn. Bhd. agar dapat mengemukakan surat kebenaran daripada pengkaveat dengan segera. Sejurus surat kebenaran ini diterima, pendaftaran hakmilik sambungan akan diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KOLAM TADAHAN**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan nilai kontrak yang diawad untuk penyelenggaraan Kolam Tadahan USJ 3A.
- b) Sila nyatakan nilai kontrak yang diawad untuk penyelenggaraan Kolam Tadahan SS12/1.

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja penyelenggaraan Kolam Tadahan USJ 3A di dalam peringkat perolehan dan akan dilaksanakan pada akhir Julai 2020.
- b) Lantikan kontrak bagi kerja penyelenggaraan Kolam SS12/1 telah dibuat dengan nilai kontrak sebanyak RM331,914.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR LALUAN SJ02**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status pertimbangan cadangan penambahbaikan laluan Bas Smart Selangor SJ02 yang telah dikemukakan melalui surat ADUN Subang Jaya bertarikh 17 Januari 2020 dengan rujukan ADUNSJ/ EXCO/ KT/ 17012020/ 001?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan perbincangan di antara pihak MPSJ, wakil Rapid Bus selaku operator Bas Smart Selangor MPSJ dan pihak YB Michelle Ng Mei Sze telah bersetuju kepada perubahan Jadual perjalanan bas yang akan diputuskan bagi meminda laluan bas Smart Selangor SJ02. Pindaan ini tidak menjaskan laluan sedia ada tetapi laluan dipanjangkan sejauh 1.5 km untuk penambahbaikan laluan SJ02.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU UNTUK PANGSAPURI SRI TANJUNG USJ16**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudi memasang kemudahan Wifi Selangorku untuk Pengsapuri Sri Tanjung di USJ 16?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KOLAM AIR UNTUK SUBANG JAYA DAN USJ**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila nyatakan bilangan kolam air dan water tower di Subang Jaya dan USJ dan lokasi setiap satu.
  - Sila nyatakan kapasiti setiap kolam air dan water tower.
  - Sila bekalkan pecahan kolam air dan water tower yang berfungsi dan tidak berfungsi.

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Senarai 5 buah kolam air dan 1 kolam menara di Subang Jaya dan USJ adalah seperti berikut :

No.	Kolam	Kapasiti (m <sup>3</sup> )	Status
1	Kolam Air Sime UEP A	17,275	Kesemua kolam beroperasi dengan baik.
2	Kolam Air Sime UEP B	44,324	
3	Kolam Air Jalan Lapangan Terbang Subang	9,100	
4	Kolam Air SS19 Subang Jaya	9,092	
5	Kolam Sedut SS17	1,593	
6	Kolam Menara Air SS19 Subang Jaya	1,591	
<b>Jumlah Keseluruhan Kapasiti (m<sup>3</sup>)</b>		<b>82,975</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENDAPATAN KERAJAAN**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pendapatan Kerajaan seperti kutipan cukai di Majlis dan Pejabat Tanah dipengaruhi oleh PKP?
- b) Berbanding dengan prestasi tahun lepas, berapa bezanya pendapatan Kerajaan?
- c) Apakah cara atau strategi yang akan diambil demi meningkatkan pendapatan Kerajaan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak dinafikan, Pandemik Covid19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri serta usaha mendapatkan hasil yang berterusan berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Status pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 secara keseluruhannya adalah sebanyak RM1,527.61 juta atau 69.44 peratus daripada anggaran hasil RM2.2 bilion. Daripada hasil keseluruhan ini, kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM416.67 juta atau 60.08 peratus. Kutipan Hasil Bukan Cukai adalah sebanyak RM897.35 juta atau 70.71 peratus. Manakala, Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM213.58 juta atau 90.01 peratus.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan jangkitan COV-19 juga telah memberi impak kepada kutipan hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor berikutan keadaan ekonomi yang kurang stabil akibat pendemik ini.

- b) Pendapatan Kerajaan Negeri melalui Hasil Cukai yang merangkumi cukai tanah, cukai parit taliair, cukai hutan dan cukai hiburan pada 30 Jun 2020 berbanding 30 Jun 2019 adalah menurun sebanyak RM145.32 juta atau 25.86%. Walau bagaimanapun, Hasil Kerajaan Negeri keseluruhannya pada 30 Jun 2020 berbanding 30 Jun 2019 adalah meningkat sebanyak RM103.29 juta atau 7.25%.

Jadual 1 : Perbandingan Kutipan Hasil Negeri pada 30 Jun 2020  
dan pada 30 Jun 2019

PERIHAL	30 JUN 2019 RM	30 JUN 2020 RM	PENINGKATAN/ PENURUNAN ( + / - )	
			RM	%
Hasil Cukai	561,999,035.13	416,679,699.89	-145,319,335.24	-25.86
Hasil Bukan Cukai	682,266,494.69	897,352,857.16	215,086,362.47	31.53
Terimaan Bukan Hasil	180,058,149.59	213,580,992.62	33,522,843.03	18.62
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,424,323,679.41</b>	<b>1,527,613,549.67</b>	<b>103,289,870.26</b>	<b>7.25</b>

(Sumber : Penyata Laporan Hasil sehingga 30 Jun 2019 dan 30 Jun 2020)

Pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor secara keseluruhan sehingga 30 Jun 2020 adalah menurun berbanding 30 Jun 2019 iaitu penurunan sebanyak RM121.75 juta atau 10.23%.

Jadual 2 : Perbandingan Kutipan Hasil Pihak Berkuasa Tempatan  
pada 30 Jun 2020 dan pada 30 Jun 2019

PERIHAL	30 JUN 2019 (RM)	30 JUN 2020 (RM)	PENINGKATAN / PENURUNAN ( + / - )	
			(RM)	%
Hasil Cukai	795,090,263.41	749,431,270.10	(45,658,993.31)	(5.74)
Hasil Bukan Cukai	332,921,032.12	262,545,355.13	(70,375,676.99)	(21.14)
Terimaan Bukan Hasil	62,411,908.62	56,695,416.39	(5,716,492.23)	(9.16)
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,190,423,204.15</b>	<b>1,068,672,041.62</b>	<b>(121,751,469.16)</b>	<b>(10.23)</b>

(Sumber : Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN)

- c) Cara atau strategi yang diambil bagi meningkatkan pendapatan Kerajaan Selangor adalah seperti berikut:

- (i) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor serta kesemua Pejabat Daerah/Tanah berusaha untuk meningkatkan hasil dengan melaksanakan lebih banyak program kutipan turun padang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti iaitu kawasan perumahan dan tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar pagi, pasar malam dan juga kompleks membeli belah bagi memudahkan orang ramai untuk membayar cukai tanpa perlu hadir ke mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah. Selain itu, usaha meningkatkan kesedaran mengenai pembayaran cukai tanah juga dilaksanakan melalui hebahan *flyers* dan surat khabar.
- (ii) Mengenakan Permit Khas sebagai kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain tujuan pertanian (Perniagaan/ Industri Ringan) oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor;
- (iii) Mengenakan caj fi bagi pengeluaran kayu getah dan palma (kelapa/kelapa sawit) di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) dan selaras dengan keputusan Majlis Perhutanan Negara Ke-71;
- (iv) Cadangan pemulihan dan penguatkuasaan melalui pengenaan permit penggunaan di kawasan pencerobohan dan penerokaan secara haram di dalam sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Selatan oleh Jabatan Perhutanan Negeri;
- (v) Mengenakan permit *Access Benefit Sharing* (ABS) iaitu permit bagi sumber *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik selaras dengan Akta Akses Kepada Sumber Biologi Dan Perkongsian Faedah 2017 (Akta 795). Pelaksanaan *Access Benefit Sharing* bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan dapat dipantau dan dikongsikan. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan;
- (vi) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur) oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor. Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik; dan

(vii) Melaksanakan semakan semula kadar caj perkhidmatan veterinar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 oleh Jabatan Veterinar Negeri Selangor kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar lama yang melebihi 10 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI PROJEK RUMAH SELANGORKU RESIDENSI  
JAYA**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pembangunan terbaru kes projek terbengkalai projek Rumah Selangorku Residensi Jaya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pemaju projek Rumah Selangorku Residensi Jaya iaitu Syarikat Jitu Enigma Sdn Bhd telah pun digulung dan usaha untuk mengurus dan memulihkan projek telah diserahkan kepada syarikat Penerima dan Pengurus (P&P) Grant Thornton Consulting Sdn Bhd.

Syarikat P&P kini masih dalam proses mendapatkan tawaran yang sesuai bagi membaik pulih projek Rumah Selangorku Residensi Jaya. Setakat 1 Julai 2020, syarikat P&P memaklumkan bahawa tawaran memulihkan projek yang diterima daripada pihak yang berminat masih belum cukup untuk memastikan hak pembeli dapat dipulangkan.

Pihak Kerajaan Negeri telah memohon agar syarikat P&P menyediakan satu (1) kertas cadangan bagi memastikan mereka komited dalam memelihara hak pembeli sebagai salah satu syarat untuk pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan sebarang cadangan pemulihan projek kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PROJEK KITAR SEMULA**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan yang konsisten untuk mempromosikan projek-projek ataupun program-program kitar semula di dalam negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah sentiasa berusaha untuk memastikan kitar semula menjadi kebiasaan dan amalan penduduk di negeri ini.

Antara projek yang dirancang untuk mempromosi atau menggalakkan kitar semula adalah untuk mewujudkan Pusat Kitar Semula yang komprehensif di semua PBT di Negeri Selangor dan projek perintis kitar semula yang akan melibatkan beberapa buah kampung terpilih.

Bagi tujuan ini, sebanyak 24 lokasi di kawasan PBT dan 25 buah kampung tradisi telah dikenalpasti sebagai lokasi Pusat Kitar Semula di seluruh negeri ini dan Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM950,000.00.

Selain itu, antara program kitar semula yang dilaksanakan terutamanya di peringkat PBT adalah seperti berikut:

- i. Mengadakan pertandingan kitar semula Jawatankuasa Penduduk (JKP), tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah;
- ii. Kempen Pelaksanaan Amalan Kitar Semula dengan mengadakan Pertandingan (*Reduce, Reuse, Recycle*) 3R peringkat Ahli Majlis dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk;
- iii. Mempromosi dan melaksanakan program di kawasan dalam bandar dan luar bandar dengan mewujudkan pusat kitar semula setempat;
- iv. Mengedar e-poster kitar semula kepada orang awam melalui *group whatsapp* dan memuatnaik maklumat berkaitan projek/ program kitar semula dalam laman web PBT;
- v. Memberikan taklimat kesedaran dan panduan kitar semula kepada sekolah, penduduk dan restoran;

- vi. Memperbanyakkan kemudahan seperti lori bergerak kitar semula bagi tujuan kutipan dan promosi; dan
- vii. Menjalankan program pengasingan sisa dipunca bermula dari rumah dan kutipan akan dijalankan mengikut hari yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR SECARA TIDAK BERJADUAL DI KG TASIK PERMAI, AMPANG SELANGOR**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jumlah aduan gangguan bekalan air secara tidak berjadual pada tahun 2018 hingga Sept 2019 di Kg Tasik Permai mengikut kategori:
  - i. paip pecah
  - ii. tekanan rendah
  - iii. bagi perlaksanaan kerja-kerja penyelenggaran.
- b) Tempoh hari gangguan bekalan air yang paling panjang di Kg Tasik Permai dan tempoh pemulihan 100 peratus di site.
- c) Bagaimana Kerajaan Negeri dan pihak Air Selangor akan meningkatkan perkhidmatan bekalan air serta mengurangkan gangguan bekalan air di Kg Tasik Permai?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah aduan gangguan bekalan air di Kg. Tasik Permai mengikut kategori adalah seperti berikut:

No.	Gangguan Tidak Berjadual	2018	2019 (Jan-Sept)
i	Paip Pecah	6	6
ii	Tekanan rendah	23	26

- b) Gangguan bekalan air di Kg Tasik Permai berlaku selama 5 hari bermula pada 4 Februari 2020 sehingga 7 Februari 2020 berikutan berlakunya 5 insiden paip pecah di jajaran paip air masuk kolam sedut Kg Tasik Permai.

Kerja-kerja pembaikan bagi setiap paip pecah telah dijalankan dengan segera. Walau bagaimanapun setelah pembaikan selesai, telah berlaku kejadian paip pecah yang lain di lokasi-lokasi berasingan, yang menyebabkan bekalan air ke Kg Tasik Permai masih tidak dapat dibekalkan. Pelan Tindakan Kecemasan telah diaktifkan. Bekalan air telah pulih sepenuhnya di Kg Tasik Permai pada 9 Februari 2020. Tempoh pemulihan 100% di tapak mengambil masa 48 jam.

- c) Air Selangor telah melaksanakan program penggantian paip di kawasan Kg Tasik Permai bagi mengatasi kekerapan paip pecah dan gangguan bekalan air. Terdapat 2 pakej dalam program ini di mana 1 pakej telah siap pada tahun 2017 dan 1 pakej lagi masih berjalan. Program ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2020.

Selain dari itu, Air Selangor juga telah membuat penambahbaikan sistem dengan memasang injap *bypass* dan membuat pengagihan semula bekalan air ke kawasan Kampung Tasik Permai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PRESTASI KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)  
MENGURUSKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN  
AWAM DI NEGERI SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon senaraikan
  - (i) jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan kepada KDEB untuk menguruskan pungutan sisa pepejal dan
  - (ii) jumlah peruntukan dan kos perbelanjaan ke tapak pelupusan sampah pada tahun 2017, 2018, 2019 mengikut setiap pihak berkuasa tempatan.
- b) Mohon senaraikan
  - (i) jumlah sampah domestik dan
  - (ii) jumlah sampah pukal (ton) dikutip oleh KDEB pada tahun 2019 (sehingga bulan Jun) mengikut setiap pihak berkuasa tempatan.

**JAWAPAN:**

- a) (i) Bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal, jumlah keseluruhan peruntukan tahunan yang telah diberikan oleh kesemua 12 PBT kepada KDEBWM adalah sebanyak RM202,026,520.26. Pecahan terperinci peruntukan yang telah diberikan kepada KDEBWM mengikut PBT adalah seperti berikut:

<b>NO</b>	<b>PBT</b>	<b>NILAI KONTRAK SETAHUN</b>
1	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	RM 25,000,000.00
2	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	RM 20,000,000.00
3	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	RM 22,560,000.00
4	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	RM 6,603,773.58
5	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	RM 27,496,783.44
6	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	RM 9,999,999.96
7	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	RM 24,969,999.96
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	RM 10,617,867.60
9	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	RM 2,029,500.00
10	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	RM 25,370,299.20
11	MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR	RM 5,640,000.00
12	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	RM 21,738,296.52
	<b>TOTAL</b>	<b>RM 202,026,520.26</b>

Sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) peruntukan yang diberikan kepada KDEBWM adalah berdasarkan bajet tahunan pengurusan sisa pepejal yang telah diluluskan oleh setiap PBT. Walaupun terdapat perbezaan di antara jumlah peruntukan yang diberikan oleh PBT berbanding peruntukan lebih tinggi yang dimohon oleh KDEBWM berdasarkan jumlah inventori sebenar di kawasan, KDEBWM sebagai sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri tetap memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat negeri Selangor.

**(ii) Soalan dijawab oleh SPBT.**

- b) (i) Bagi menjawab soalan ini, saya ingin membentangkan jumlah kutipan sampah dari bulan Januari hingga Disember 2019 berbanding soalan yang hanya menghendaki maklumat jumlah sampah sehingga Jun 2019 sahaja. Pada tahun 2019, KDEB Waste Management (KDEBWM) telah menguruskan sampah domestik di sebelas (11) kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kecuali di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang hanya mula diambil alih pada 1 Januari 2020 yang lalu. Secara keseluruhannya, di sebelas (11) PBT ini, KDEBWM telah melupuskan 1,339,291.19 tan sampah domestik pada tahun 2019, yang bersamaan dengan 4,292.60 tan sampah domestik setiap hari di tapak pelupusan sampah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) merupakan PBT yang mencatatkan penjanaan jumlah sampah domestik tertinggi iaitu 240,426.20 tan sepanjang tahun 2019 atau secara puratanya sebanyak 770.60 tan sehari manakala Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) merupakan PBT yang mencatatkan penjanaan sampah terendah iaitu sebanyak 22,773.88 tan atau secara puratanya sebanyak 72.99 sehari untuk tempoh yang sama. Data jumlah sampah domestik bagi semua PBT ini (kecuali Majlis Perbandaran Selayang) diperolehi dari sistem E-World yang dikendalikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. Bagi Majlis Perbandaran Selayang (MPS), data jumlah sampah adalah dari KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. yang mengendalikan Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar. Pecahan terperinci jumlah sampah domestik mengikut PBT bagi bulan Januari 2019 hingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

**Jumlah Sampah Domestik Mengikut PBT dari bulan Januari 2019 hingga Disember 2019**

Bulan	KLANG	AMPANG	SELAYANG	KUALA LANGAT	KAJANG	PETALING JAYA	SEPANG	HULU SELANGOR	SABAK BERNAM	SUBANG JAYA	KUALA SELANGOR
	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik	Sampah Domestik
JAN	17,314.33	11072.59	15,069.83	3,212.00	20,398.36	13,762.29	6,777.39	263.52	1,797.39	16,229.88	3,446.94
FEB	15,747.42	10,780.83	12,725.80	3,165.00	18,224.15	12,357.76	6,113.30	248.72	1,618.78	15,028.45	3,177.45
MAC	15,995.39	11,576.33	13,141.42	3,554.00	19,197.81	13,033.15	6,725.75	240.15	1,629.24	16,846.16	2,960.00
APR	15,985.73	11,992.74	13393.72	3,883.00	19,380.70	13,053.81	7,040.26	254.86	3,260.06	16,364.38	1,589.88
MEI	16,522.50	12,699.42	13,900.94	4,082.00	20,955.59	13,441.37	7,636.71	266.09	2,021.49	16,141.88	3,481.83
JUN	15,560.23	11,232.44	13,409.48	3,690.00	19,388.62	12,490.30	7,129.70	306.96	1,922.74	16,317.90	3,272.71
JUL	18,464.64	12,868.01	15,942.77	4,257.00	24,714.18	14,061.18	9,653.24	4,764.52	1,888.66	18,464.64	3,665.42
OGOS	16,744.86	12,594.78	14,100.10	3,875.00	20,119.60	13,537.24	8158.04	4,475.67	1922.69	18,133.51	3,431.71
SEPT	15,663.99	18,042.19	13,806.46	3,693.00	18,592.18	12,957.62	7,957.54	4,168.31	1,704.82	17,204.64	3,158.92
OKT	17,069.16	11,007.67	13,376.49	3,984.00	19,994.72	13,815.49	7,820.52	4,633.11	1,327.87	14,044.02	3,344.74
NOV	16,011.38	11,556.34	15,647.17	3,741.00	20,022.40	13,070.04	7,357.47	4,329.22	1,720.23	17,911.31	3,177.21
DIS	16,576.23	12,208	15,605.07	3,971	19437.89	13579.92	7,737.56	4402.76	1959.91	17,351.56	3,210.98
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>197,655.86</b>	<b>147,631.34</b>	<b>170,119.25</b>	<b>45,107.00</b>	<b>240,426.20</b>	<b>159,160.17</b>	<b>90,107.48</b>	<b>28,353.89</b>	<b>22,773.88</b>	<b>200,038.33</b>	<b>37,917.79</b>
Purata Sehari	633.51	473.18	545.25	144.57	770.60	510.13	288.81	90.88	72.99	641.15	121.53

- (ii) Bagi tempoh dari bulan Januari 2019 hingga Disember 2019, jumlah sampah pukal yang telah dilupuskan ke tapak pelupusan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 293,725.05 tan yang bersamaan dengan 941.43 tan sehari. Data bagi berat sampah pukal ini adalah termasuk sisa pembersihan awam dan sampah kebun kerana kutipan sampah pukal adalah termasuk di dalam skop pembersihan awam. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mencatatkan jumlah sampah pukal tertinggi iaitu sebanyak 82,922.56 tan atau secara puratanya sebanyak 265.78 tan sehari manakala Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mencatatkan jumlah sampah pukal terendah iaitu hanya sebanyak 1,937.37 tan atau secara puratanya sebanyak 6.21 tan sehari untuk tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2019. Data jumlah sampah pukal bagi semua PBT ini diperolehi dari sistem E-World yang dikendalikan oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. Bagi Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), sebahagian data jumlah sampah adalah dari MDHS yang mengendalikan sendiri Tapak Pelupusan di Sungai Sabai manakala data jumlah sampah pukal dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sebagiannya diperolehi dari Tapak Pelupusan Sisa Lengai Misi Restu di Sungai Lalang, Semenyih. Pecahan terperinci jumlah sampah pukal mengikut PBT bagi bulan Januari 2019 hingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

**Jumlah Sampah Pukal Mengikut PBT dari bulan Januari 2019 hingga Disember  
2019**

BULAN	KLANG	AMPANG	SELAYANG	KUALA LANGAT	KAJANG	PETALING JAYA	SEPANG	HULU SELANGOR	SABAK BERNAM	SUBANG JAYA	KUALA SELANGOR
	Sisa Pembersihan Awam										
JAN	3,446.94	2818.19	3902.49	447.00	7,950.65	2,364.80	682.1	1,073.43	92.31	4,255.33	MASIH DI BAWAH PBT
FEB	3,075.33	2,587.75	3625.6	347.00	7,032.15	2,212.31	610.27	848.88	180.58	2,132.00	
MAC	3,264.12	1,238.01	4225.32	433.00	7,319.26	2,246.69	609.8	836.13	148.9	2,484.63	465.98
APR	3,294.25	3,148.52	4095.47	498.00	7,352.40	2,323.19	741.08	1,050.79	164.97	3,862.35	436.52
MEI	3,220.29	2,935.19	3902.35	419.00	6,548.00	2,096.70	597.74	720.94	131.66	4,245.55	354.65
JUN	2,978.19	2,592.11	3460.92	372.00	5,878.01	2,368.41	563.71	577.92	123.4	2,262.43	391.08
JUL	3,486.87	2,837.39	3519.86	528.00	6,918.61	2,595.39	782.38	690.85	150.76	2,969.59	435.92
OGOS	3,374.27	3,369.19	3488.4	433.00	7,343.51	2,686.18	739.18	696.84	284.87	2,831.43	400.96
SEPT	2,993.03	2,962.32	3856.26	515.00	7,169.66	2,533.43	696.06	622.53	144.82	2,424.23	403.12
OKT	3,644.22	1,992.39	4002.63	607.00	6,988.76	2,986.15	767.86	735.65	153.14	2798.22	458.48
NOV	3604.48	2534.09	4344.87	621.00	6558.31	2941.93	734.06	797.98	196.31	2708.46	456.26
DIS	3,265.86	2,415	4105.05	679.00	5,863.24	2848.74	768.12	763.55	165.65	2,814.86	417.76
JUMLAH KESELURUHAN	<b>39,647.85</b>	<b>31,430.15</b>	<b>46,529.22</b>	<b>5,899.00</b>	<b>82,922.56</b>	<b>28,107.22</b>	<b>8,292.36</b>	<b>9,415.49</b>	<b>1,937.37</b>	<b>35,789.08</b>	<b>3,754.75</b>
Purata Sehari	<b>127.08</b>	<b>100.74</b>	<b>149.13</b>	<b>18.91</b>	<b>265.78</b>	<b>90.09</b>	<b>26.58</b>	<b>30.18</b>	<b>6.21</b>	<b>114.71</b>	<b>12.03</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR DI CHERAS HARTAMAS**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berikan statistik gangguan bekalan air di Cheras Hartamas pada Januari 2018 hingga Jun 2020.
- Nyatakan penyelesaian jangka panjang bagi mengelakkan gangguan bekalan air akibat tekanan rendah di Cheras Hartamas.

**JAWAPAN:**

- Statistik gangguan bekalan air di Cheras Hartamas pada Januari 2018 hingga Jun 2020 adalah seperti berikut:

No	Gangguan Bekalan Air Berjadual	2018	2019	2020 (Jan-Jun)
1	Kerja-kerja pencucian paip agihan menggunakan kaedah ' <i>pressurized cleaning</i> '	-	4	1
2	Kerja-kerja penyambungan paip air (pengalihan paip)	-	1	-
3	Kerja pencucian kolam air	-	-	1
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>5</b>	<b>2</b>

Air Selangor akan memberikan notis kepada semua pengguna di Cheras Hartamas sebelum memulakan kerja-kerja yang dijadualkan, supaya pengguna bersedia dan dapat menyimpan air secukupnya.

No	Gangguan Bekalan Air Tidak Berjadual	2018	2019	2020 (Jan-Jun)
1	Paip Pecah & Paip Bocor	4	9	-
2	Kerosakan pam Loji Rawatan Air Sg Langat	-	3	-
3	Penurunan Paras Air Kolam	-	2	3
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>14</b>	<b>3</b>

Terdapat 4 gangguan tidak berjadual di Cheras Hartamas pada 2018 disebabkan paip pecah dan bocor. Peningkatan pada 2019 dengan 14 gangguan disebabkan

paip pecah, bocor, kerosakkan pam di loji dan penurunan paras kolam. Manakala sepanjang Januari-Jun 2020, terdapat 3 gangguan melibatkan penurunan paras kolam.

b) Penyelesaian jangka masa panjang

Gangguan bekalan air akibat tekanan rendah di Cheras Hartamas akan dapat diselesaikan dengan menjalankan kerja-kerja *interconnection* dan pengagihan semula bekalan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : HADIAH MASUK UNIVERSITI**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Program Hadiah Masuk Universiti dari segi jumlah permohonan, jumlah yang ditolak dan sebab penolakan permohonan?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) telah ditunda pada awal tahun 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan berikutan penularan Covid-19. Namun begitu, permohonan bagi tahun 2020 akan dibuka pada Ogos 2020.